

2 Ogos 2013

SIARAN AKHBAR

Untuk hebahan segera

RAMADHAN DIRAI BERSAMA BANDUAN SEKOLAH INTEGRITI KAJANG

*300 banduan menikmati jamuan berbuka puasa bersama ahli sukarelawan
I-Pledge Great Eastern Life*

Kuala Lumpur, 2 Ogos 2013 – Seramai 300 banduan Sekolah Integriti Kajang (SIK) dirai sempena bulan Ramadhan yang mulia ini menerusi projek jangka panjang tanggungjawab korporat sosial Great Eastern Life Assurance (M) Berhad (Great Eastern Life) ChildrenCare dengan kerjasama Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM) baru-baru ini.

Program Buka Puasa bersama Great Eastern Life ini bertujuan memberi peluang kepada banduan SIK merasai kemeriahan berbuka puasa dan mengerjakan solat Maghrib bersama-sama. Program diserikan dengan persembahan nasyid oleh kumpulan nasyid yang dijemput khas dari Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB) yang menyampaikan dua buah lagu yang berunsurkan pembangunan kerohanian.

“Menjalani ibadah puasa di penjara sudah tentu berbeza apabila terpaksa berjauhan dengan insan tersayang di luar sana. Justeru, kami berharap banduan dapat melaksanakan ibadah di bulan Ramadhan kali ini sebaik-baiknya walaupun tanpa kehadiran keluarga di sisi. Jemputan khas kumpulan nasyid MAB pada hari ini bertujuan untuk membuka mata mereka supaya tidak mudah berputus asa dalam menempuh ujian dan cabaran dalam kehidupan malah perlu yakin yang peluang sentiasa terbuka bagi mereka yang berusaha sedaya upaya untuk mencapai kejayaan”, jelas Puan Leong Pei Yee, Pengurus Jabatan Komunikasi dan Penjenamaan Great Eastern Life ketika menyampaikan sumbangan untuk SIK berbentuk buku ilmiah dan majalah berinformasi kepada wakil pendidik Sekolah Integriti Kajang.

Ahli-ahli sukarelawan I-Pledge Great Eastern Life turut serta dalam program ini bagi berkongsi nikmat Ramadhan bersama-sama penghuni SIK. Sejak tahun lepas, Great Eastern Life melancarkan Program Live Great yang mana ia merupakan usaha bagi membantu pemegang polisi dalam memastikan mereka hidup sihat, bermakna dan lebih lama kerana ia bukan lagi sekadar sebuah Syarikat insurans hayat, ia adalah sebuah Syarikat yang menerajui kehidupan.

<Tamat>

MENGENAI CHILDRENCARE

Dilancarkan pada tahun 1995, ChildrenCare adalah inisiatif untuk memupuk semangat prihatin dan perkongsian dikalangan kakitangan dan kumpulan agensi Great Eastern. Sepanjang 16 tahun penubuhan, sebanyak RM1.8 juta telah didermakan kepada lebih daripada 180 rumah kebajikan di seluruh Malaysia melalui ChildrenCare. Setiap tahun, kakitangan dan kumpulan agensi Great Eastern bekerjasama untuk mengumpul dermaan daripada orang awam dan kesemua dana didermakan untuk manfaat kanak-kanak. Selain daripada kutipan dana dan pendermaan, ChildrenCare juga disokongoleh sukarelawan "I-Pledge" yang terdiri daripada kakitangan Great Eastern yang secara sukarela meluangkan waktu lapang mereka demi menjayakan aktiviti-aktiviti amal untuk menolong kanak-kanak yang kurang bernasib baik. Secara proaktifnya, ChildrenCare mendedikasikan misinya untuk mencapai perspektif yang lebih luas kepada kanak-kanak dan belia miskin. Usaha kami khususnya kepada anak-anak yatim dan kanak-kanak istimewa. Antara projek-projek yang telah dilaksanakan adalah "Together We Experience Nature", "Going Green with Effective Microorganisms", "Reading To The Blind", "ChildrenCare Camp with Children of Aborigines", "Fun and Easy Learning English", "ChildrenCare Arts and Crafts Day", etc.

Untuk keterangan lanjut atau untuk menderma kepada tabung ChildrenCare, sila hubungi Talian ChildrenCare 03-4259 8878.

MENGENAI GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

Great Eastern telah memulakan operasinya pada tahun 1908 sebagai sebuah cawangan Great Eastern Life Assurance Company Limited. Operasi di Malaysia kemudiannya telah diperbadankan iaitu Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad di bawah Skim Pemindahan Perniagaan. Syarikat telah dianugerahkan sebagai penerima "The Oldest and Largest Life Insurer" di Malaysia oleh 'The Malaysia Book of Records' pada tahun 1998.

Dengan hampir dari seabad pengalaman dan asas kewangan teguh, Great Eastern kini mempunyai aset berjumlah RM59.6 bilion, memiliki lebih dari 2.9 juta polisi berkuat kuasa dan 17,000 orang ejen di seluruh negara pada 31 Disember 2011. Hingga kini, Great Eastern mempunyai 21 cawangan dan antara produk-produk syarikat terdiri daripada pelan perlindungan insurans hayat, pelan berkait pelaburan, perlindungan pinjaman perumahan, perlindungan perniagaan, kebajikan pekerja, insurans perubatan dan skim faedah kesihatan berkumpulan. Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah syarikat subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh Great Eastern Holdings Limited (GEH) dan syarikat induk iaitu Oversea-Chinese Banking Corporation Limited (OCBC).

Untuk keterangan lanjut, sila layari greateasternlife.com

MENGENAI GREAT EASTERN HOLDINGS LIMITED

Great Eastern merupakan kumpulan insurans hayat yang tertua dan terkukuh di Singapura dan Malaysia. Dengan aset sebanyak \$56 bilion dan 3.8 juta pemegang polisi, ia mempunyai dua saluran pengedaran yang berjaya – penggabungan agensi dan bankasurans. Syarikat juga beroperasi di China, Indonesia, Vietnam, dan Brunei. Great Eastern Life Assurance Company Limited telah diberikan pengiktirafan kekukuhan kewangan dan penarafan kredit rakan niaga 'AA-' oleh Standard & Poor's, yang tertinggi di kalangan syarikat insurans hayat Asia. Syarikat baru-baru ini telah dipilih sebagai 'Life Insurer of the Year' di Asia Insurance Industry Awards 2011 oleh Asia Insurance Review. Anak syarikat pengurusan aset Great Eastern, Lion Global Investors Limited adalah salah satu daripada syarikat swasta terbesar sektor pengurusan aset di Asia Tenggara.

Great Eastern adalah sebuah anak syarikat OCBC Bank, merupakan perkhidmatan kewangan kumpulan kedua terbesar di Asia Tenggara dari segi aset. Ia adalah salah satu bank pilihan tertinggi di dunia, dengan penarafan Aa1 dari Moody's. Ia juga disenaraikan oleh Pasaran Bloomberg sebagai bank paling kukuh di dunia. Pasaran utama Bank OCBC ialah Singapura, Malaysia, Indonesia, dan China. Ia mempunyai rangkaian lebih 500 cawangan dan pejabat perwakilan di 15 buah negara dan wilayah, termasuk lebih daripada 400 cawangan dan pejabat di Indonesia yang dikendalikan oleh anak syarikatnya iaitu Bank OCBC NISP

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Puan Leong Pei Yee

Pengurus, Komunikasi dan Penjenamaan

Tel : 03 - 4259 8881

Faks : 03 - 4259 8880

H/P : 019 - 226 3531

Emel : LeongPeiYee@greateasternlife.com

atau

Cik Wong Fong Yee

Penolong Pengurus, Komunikasi dan Penjenamaan

Tel : 03 - 4259 8181 (samb. : 7890)

Faks : 03 - 4259 8880

H/P : 012 - 286 0880